



**KETUA PENGARAH PENDIDIKAN MALAYSIA**  
*Director-General of Education Malaysia*  
**ARAS 8, BLOK E8, KOMPLEKS E**  
*Level 8, Block E8, Complex E*  
**PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**  
*Federal Government Administrative Centre*  
**62604 PUTRAJAYA**

Tel: 03-8884 6077  
Faks: 03-8889 4548  
Laman Web: [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Kami : KPM.100-1/3/1 Jld. 6 (92)  
Tarikh : 12 November 2021

**Semua Ketua Bahagian  
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA  
BILANGAN 8 TAHUN 2021**

**PERALIHAN PENGGUNAAN KOD *BRITISH BRAILLE PRIMER* KEPADA KOD *UNIFIED ENGLISH BRAILLE* BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS KURANG UPAYA PENGLIHATAN SECARA BERPERINGKAT MULAI TAHUN 2022**

**TUJUAN**

Surat Pekeling Ikhtisas (SPI) ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Peralihan Penggunaan Kod *British Braille Primer* (BBP) kepada Kod *Unified English Braille* (UEB) bagi Murid Berkeperluan Khas (MBK) Kurang Upaya Penglihatan Secara Berperingkat Mulai Tahun 2022.

**LATAR BELAKANG**

2. Kod BBP mula digunakan di negara-negara Komanwel sejak tahun 1932 dan turut diguna pakai di Malaysia. Selaras dengan perkembangan semasa, *International Council on English Braille* telah melaksanakan semakan terhadap Kod BBP pada tahun 1991. Pada tahun 2004, Kod UEB telah diperkenalkan bagi tujuan penyeragaman penggunaan braille. Kod UEB merupakan kod literasi utama yang digunakan oleh golongan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Kebanyakan negara di dunia seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Australia, Singapura dan Indonesia telah menggunakan Kod UEB.

3. Peralihan penggunaan Kod BBP kepada Kod UEB dapat memberi kesan positif kepada MBK kurang upaya penglihatan dengan mengambil kira keperluan MBK dalam peperiksaan antarabangsa seperti A-Level, *International English Language Testing System* (IELTS) dan *Test of English as a Foreign Language* (TOEFL). Peralihan ini amat penting bagi memastikan MBK di Malaysia menggunakan kod literasi yang seragam seperti yang diguna pakai oleh negara lain pada masa ini.
4. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) komited dalam memastikan MBK kurang upaya penglihatan di Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi dan Program Pendidikan Inklusif mendapat akses pendidikan yang berkualiti. Oleh itu, peralihan Kod BBP kepada Kod UEB dapat membantu MBK kurang upaya penglihatan mendapat maklumat dan berkongsi bahan penerbitan *braille* menggunakan format UEB dengan meluas secara dalam talian.
5. Mesyuarat Profesional KPM Bilangan 20/2021 bertarikh 1 Jun 2021 telah meluluskan peralihan penggunaan Kod BBP kepada Kod UEB bagi MBK kurang upaya penglihatan secara berperingkat mulai tahun 2022.

## PELAKSANAAN

6. YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah memastikan peralihan penggunaan Kod UEB dalam pengajaran dan pembelajaran, peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia dilaksanakan seperti dalam lampiran. Buku panduan ***Unified English Braille: Guidelines for Technical Material*** yang diterbitkan oleh *International Council on English Braille* (semakan 2014) boleh dimuat turun melalui laman sesawang [http://www.iceb.org/guidelines\\_for\\_technical\\_material\\_2014.pdf](http://www.iceb.org/guidelines_for_technical_material_2014.pdf) sebagai rujukan.

## TARIKH KUAT KUASA

7. SPI ini **berkuat kuasa** mulai hari pertama takwim persekolahan tahun 2022.

## **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

8. YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan hendaklah mengambil tindakan dengan memaklumkan kandungan SPI ini kepada semua pegawai yang bertanggungjawab di bahagian KPM, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan sekolah bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

*Dat Zamani*

**(DATIN SRI HAJAH NOR ZAMANI BINTI ABDOL HAMID)**

Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
merangkap Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru  
Kementerian Pendidikan Malaysia

- s.k. 1. YB. Menteri Kanan Pendidikan  
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. YB. Timbalan Menteri Pendidikan I  
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. YB. Timbalan Menteri Pendidikan II  
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Semua Timbalan Ketua Setiausaha  
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Semua Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Penasihat Undang-Undang  
Kementerian Pendidikan Malaysia

**STRATEGI PELAKSANAAN PERALIHAN PENGGUNAAN KOD *BRITISH BRAILLE PRIMER* KEPADA KOD *UNIFIED ENGLISH BRAILLE* BAGI MURID BERKEPERLUAN KHAS KURANG UPAYA PENGLIHATAN SECARA BERPERINGKAT MULAI TAHUN 2022**

2022	2023	2024	2026
<p>Kod UEB digunakan:</p> <p>i) <b>Sekolah Rendah</b> Semua MBK bermula Tahun 1 hingga Tahun 6.</p> <p>ii) <b>Sekolah Menengah</b> Semua MBK Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3.</p>	<p>Kod UEB digunakan untuk MBK Tingkatan 4.</p>	<p>Kod UEB digunakan untuk MBK Tingkatan 5 dan Calon Berkeperluan Khas Sijil Pelajaran Malaysia.</p>	<p>Kod UEB digunakan untuk MBK Tingkatan 6 bermula Semester 1 serta sepenuhnya dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia bagi Calon Berkeperluan Khas.</p> 